



GARIS PANDUAN ETIKA DAN PENAMPILAN PEMAKAIAN KE PEJABAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI



KATA-KATA ALUAN KETUA SETIAUSAHA



Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) adalah merupakan salah satu Kementerian yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Negara. Oleh yang demikian, keperluan mewujudkan budaya profesional termasuklah imej penampilan diri anggotanya turut mencerminkan kredibiliti organisasi MITI. Penampilan secara profesional ketika bertugas rasmi di dalam atau luar pejabat akan turut memberikan persepsi positif pelanggan terhadap tahap penyampaian perkhidmatan MITI. Saya juga percaya bahawa pemakaian dan penampilan yang kemas akan turut mempengaruhi tahap sahsiah dan moral warga MITI dalam menunaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Atas dasar itu, buku Garis Panduan Etika dan Penampilan Pemakaian ke Pejabat ini diterbitkan sebagai rujukan warga MITI menampilkan etika pemakaian yang lebih kemas dan bersesuaian ketika menjalankan tugas rasmi. Penerbitan buku ini adalah merupakan hasil olahan dan terjemahan daripada Arahan-arahan Pentadbiran MITI, Pekeliling-pekeliiling dan persepsi umum dalam menggariskan etika penampilan yang lebih berintegriti dan dipercayai.

Akhir kata, saya menyeru semua warga MITI agar dapat menghayati objektif dan konsep penerbitan buku selari dengan usaha mempertingkatkan imej korporat MITI dan budaya kerja cemerlang di Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. REBECCA FATIMA STA MARIA



ISI KANDUNGAN

OBJEKTIF
ETIKA DAN PENAMPILAN
PEMATUHAN ARAHAN
AKSESORI
PENUTUP





OBJEKTIF

OBJEKTIF

Sesuai dengan misi dan visi Kementerian iaitu menjadikan Malaysia sebagai salah satu destinasi pelaburan dan negara pedagang yang kompetitif pada tahun 2020, MITI amat menitikberatkan aspek etika dan keterampilan warganya dalam menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam mahupun luar pejabat. Persepsi yang positif di kalangan para pelabur dan komuniti pedagang selain kredibiliti tinggi yang telah ditunjukkan seharusnya dikekalkan. Pemakaian seseorang individu itu mampu untuk mencerminkan personaliti, sikap, tahap pemikiran serta moralnya.

Untuk itu, penerbitan buku Garis Panduan Etika dan Penampilan Pemakaian Ke Pejabat ini adalah merupakan salah satu usaha yang perlu bagi membentuk imej warga MITI yang profesional, konsisten serta menepati imej korporatnya. Buku ini adalah merupakan kesinambungan dan kompilasi daripada beberapa Arahan-arahan pentadbiran MITI dan Pekeliling-pekeliling yang sedia ada berkaitan dengan etika dan tatacara pemakaian ke pejabat/tugas rasmi bagi menambah baik pemahaman dan pematuan mengikut kesesuaian bidang tugas MITI.

Objektif-objektif utama penerbitan buku ini adalah:

- a) sumber rujukan utama dalam etika dan penampilan pemakaian ke pejabat bagi semua warga MITI;
- b) membentuk konsistensi dalam jenis pakaian dan penampilan setiap warga MITI ketika menjalankan tugas rasmi sama ada di dalam mahupun luar pejabat;
- c) hasil terjemahan kepada arahan-arahan dan pekeling-pekeliling mengenai tatacara dan etika pemakaian ke pejabat mengikut keadaan dan kesesuaian suasana kerja di MITI; dan
- d) membentuk budaya keterampilan yang kemas, profesional dan beretika di kalangan warga MITI bagi meningkatkan keyakinan dan persepsi.



ETIKA

ETIKA DAN PENAMPILAN

Imej seseorang individu itu adalah merupakan hasil kombinasi perwatakan, pemikiran dan etika berpakaian dan penampilan yang ditunjukkan. Penterjemahan imej dalam konteks buku garis panduan ini adalah merujuk kepada etika dan keterampilan seseorang warga MITI dalam menjalankan tugas rasmi di dalam mahupun luar pejabat. Cara berpakaian dan penampilan yang ditunjukkan akan memberi kesan dalam menentukan sejauh mana keperibadian, kewibawaan dan tahap profesionalisme yang boleh diberikan kepada *stakeholders* dan pelanggan.

Atas dasar itu, imej adalah berkait rapat dengan tanggapan dan persepsi ke atas seseorang individu tersebut. Oleh yang demikian, bagi menggayakan pakaian, seseorang itu harus menitik beratkan pertimbangan berikut iaitu:

- a) Mengenali bentuk badan;
- b) Potongan dan kombinasi warna pakaian yang dipilih;
- c) Kesesuaian jenis pakaian dan aksesori; dan
- d) Kedudukan / pangkat dalam Organisasi.



PAKAIAN KE PEJABAT

LOUNGE SUIT



- Lounge Suit bagi pegawai lelaki adalah pemakaian kot dan seluar panjang yang diperbuat daripada bahan yang bersesuaian dan padan dari segi corak dan warna. Warna gelap adalah digalakkan.
- Baju kemeja hendaklah berlengan panjang dan berwarna cerah (lengan baju tidak dilipatkan).
- Tali leher yang digunakan adalah bersesuaian dengan warna kemeja yang dipakai

NEHRU SUIT



- Kerajaan telah menetapkan beberapa fesyen pemakaian alternatif yang boleh dipakai semasa bekerja atau menghadiri acara rasmi. Antaranya ialah Nehru Suit.
- Pemakaian Nehru Suit boleh dipakai sama ada berbutang hadapan atau terselindung.

SUIT PEREMPUAN



- Pemakaian Suit bagi pegawai wanita di MITI boleh dipakai dengan seluar panjang, skirt paras lutut dan skirt labuh yang diperbuat daripada bahan yang bersesuaian dan padan dari segi warna dan corak. Warna gelap adalah digalakkan.
- Kot mestilah melebihi sedikit daripada paras punggung. Seluar panjang hendaklah tidak ketat dan mencolok mata.
- Pemakaian skirt paras lutut hendaklah dipadankan dengan stoking warna kulit menutupi keseluruhan kaki.
- Baju kemeja hendaklah berlengan panjang dan berwarna cerah (lengan baju tidak dilipatkan).



PAKAIAN PEJABAT (LELAKI)



- Bagi tujuan memberi keselesaan dalam menjalankan tugas di pejabat, pegawai lelaki boleh memakai baju kemeja berlengan panjang, seluar panjang dan tali leher tanpa perlu memakai kot.
- Pemakaian warna yang cerah untuk baju dan gelap untuk seluar adalah digalakkan.
- Pemakaian tali leher korporat MITI adalah diwajibkan pada setiap hari Isnin, ketika mengadakan Majlis-majlis Rasmi MITI dan Perhimpunan Bulanan MITI.



PAKAIAN PEJABAT (PEREMPUAN)



- Baju kurung adalah merupakan salah satu daripada pakaian Kebangsaan.
- Pemakaian baju kurung ke pejabat adalah digalakkan terutamanya apabila melaksanakan tugas rasmi seperti di Parlimen, menghadiri Mesyuarat-mesyuarat dan lain-lain.
- Fesyen baju kurung hendaklah tidak keterlaluan dan tidak menggunakan fabrik dan jenis kain yang jarang.



BAJU BATIK



- Pemakaian batik adalah diwajibkan pada setiap hari Khamis.
- Batik yang digunakan hendaklah merupakan batik Malaysia.
- Pegawai lelaki perlu memakai baju batik (dibuat seperti baju kemeja dan berlebaran panjang) dan berseluar panjang.
- Baju batik digalakkan untuk dibawa bersama jika menjalankan tugas rasmi di luar negara kerana sebagai lambang warisan serta mempromosikan identiti Malaysia.



PAKAIAN SERAGAM



- Kakitangan MITI yang telah dibekalkan dengan pakaian seragam hendaklah memakai pakaian tersebut semasa ke pejabat.
- Pakaian yang dibekalkan adalah kemeja berlengan pendek/panjang berwarna kelabu dan seluar panjang berwarna gelap.

BAJU KORPORAT MITI



- Pemakaian baju korporat MITI dipakai HANYA semasa menjalankan tugas rasmi bagi program turun Padang di luar pejabat.
- Bagi warga lelaki, baju korporat adalah kemeja berlengan pendek, manakala bagi wanita ialah baju kemeja berlengan panjang yang dipadankan dengan seluar yang berwarna gelap.
- Warna baju korporat MITI adalah kuning air.

PAKAIAN KEBANGSAAN



- Pemakaian baju melayu lengkap adalah digalakkan pada hari Jumaat.
- Baju melayu hendaklah dipakai dengan lengkap iaitu bersamping, bersongkok dan mempunyai lima butang (jenis cekak musang).
- Warna baju, seluar dan samping adalah pilihan sendiri tetapi hendaklah bersesuaian.

PAKAIAN ALTERNATIF



- Penggunaan pakaian kebudayaan kaum lain adalah dibolehkan. Namun begitu, pakaian tersebut harus dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi.



PEMATUHAN ARAHAN



ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
TRADE AND INDUSTRY



PEMATUHAN ARAHAN

Buku Garis Panduan Etika dan Penampilan Pemakaian Ke Pejabat ini adalah tertakluk kepada arahan sedia ada yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan hendaklah digunakan bersama-sama dengan Arahan-arahan Pentadbiran Ketua Setiausaha MITI seperti berikut:

- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 1975 – Pindaan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 mengenai Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai-pegawai Kerajaan;
- Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985 – Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi bagi Pegawai Awam;
- Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993;
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2006 – Fesyen Pakaian Alternatif sebagai Pakaian Semasa Bekerja dan Menghadiri Upacara Rasmi;
- Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008 – Pemakaian Pakaian Batik Malaysia oleh Pegawai Awam pada Hari Khamis; dan
- Pekeliling Pentadbiran Bilangan 1 Tahun 2006 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) mengenai Aturan Pakaian Masa Bekerja Tambahan yang Dibenarkan bagi Anggota Wanita iaitu *Pantsuits*

Oleh yang demikian, buku Garis Panduan Etika dan Penampilan Pemakaian ke Pejabat ini adalah hasil interpretasi dan terjemahan kesemua Pekeliling dan Arahan tersebut bagi tujuan rujukan khusus warga MITI.



AKSESORI

AKSESORI

LELAKI

Tali Leher Korporat MITI : Tali leher korporat MITI adalah berwarna merah dan mempunyai logo MITI. Pemakaian tali leher korporat MITI ini diwajibkan pada hari Isnin, Perhimpunan Bulanan MITI, Majlis-majlis rasmi anjuran MITI dan acara-acara rasmi yang menelapkan etika pemakaian tersebut.

Pin Tali Leher : Dipakai di tengah-tengah tali leher.

Tanda Nama : Setiap warga MITI mestilah sentiasa memakai tanda nama / pas pekerja sepanjang berada di kawasan pejabat ataupun ketika melakukan tugas rasmi di luar pejabat.

Tali Pinggang : Warna tali pinggang adalah digalakkan sama dengan warna kasut.

Jam Tangan : Reka bentuk, warna dan bahan adalah bersesuaian dengan suasana kerja di pejabat.

Cuff Link : Pemakaian aksesori ini adalah pilihan kepada butang. Corak, bahan dan saiz hendaklah bersesuaian dengan suasana kerja di pejabat.

Kasut dan Stoking : Kasut yang dipakai mestilah berkilat dan berwarna gelap. Stoking yang dipakai juga berwarna gelap dan sepadan dengan warna seluar yang dipakai.



PEREMPUAN

Tali Pinggang : Warna tali pinggang adalah digalakkan sama dengan warna kasut.

Jam Tangan : Reka bentuk, warna dan bahan adalah bersesuaian dengan suasana kerja di pejabat.

Tanda Nama : Setiap warga MITI mestilah sentiasa memakai tanda nama / pas pekerja sepanjang berada di kawasan pejabat ataupun ketika melakukan tugas rasmi di luar pejabat.

Cuff Link : Pemakaian aksesori ini adalah pilihan kepada butang. Corak, bahan dan saiz hendaklah bersesuaian dengan suasana kerja di pejabat.

Rantai/Gelang/Cincin : Barang kemas hendaklah dipakai secara sederhana dan tidak terlalu menonjol.

Kasut dan Stoking : Kasut yang dipakai mestilah berkilat dan berwarna gelap (court shoes). Stoking adalah berwarna kulit.

LELAKI

YA

KEPALA/MUKA

- Rambut hendaklah disikat kemas
- Berkepala botak hanya dibenarkan atas sebab-sebab berikut sahaja iaitu:
 - (i) Genetik / keturunan
 - (ii) Penyakit
 - (iii) Amalan agama / kepercayaan (Umrah / Haji)

BADAN

- Memakai tanda nama
- Kolar baju dan hujung tangan mesti kelihatan $\frac{1}{2}$ inci daripada kot
- Warna tali leher dan baju yang dipakai adalah sepadan
- Hujung kepala tali leher mencecah paras kepala tali pinggang

KAKI

- Memakai kasut kulit yang sentiasa berkilat
- Memakai stoking yang berpadanan dengan warna seluar

PENAMPILAN

- Sentiasa senyum, ramah dan berkelakuan sewajarnya
- Mengamalkan etika dan protokol yang berkadaran dengan suasana semasa



TIDAK

KEPALA/MUKA

- Rambut panjang, berwarna atau dibuat dengan gaya *punk* atau *skinhead*
- Menindik telinga / hidung / lidah
- Misai tidak dijaga rapi
- Gigi yang tidak digosok
- Nafas berbau

BADAN

- Badan berbau dan tidak bersih
- Memakai *bow tie* dengan suit yang tidak bersesuaian
- Berkuku panjang dan kotor
- Memakai pakaian yang tidak tersenarai sebagai pakaian ke pejabat
- Tali leher berkarektor kartun atau logo yang tidak sepatutnya
- Pakaian yang tidak digosok kemas atau tidak dibasuh

KAKI

- Berseluar jenis jeans atau khakis
- Memakai kasut sukan dengan pakaian pejabat
- Memakai kasut dan stoking berwarna putih
- Berselipar atau hanya memakai sandal

PEREMPUAN

YA

KEPALA/MUKA

- Rambut sentiasa disikat kemas atau disanggul (*netting*)
- Tudung yang dipakai hendaklah berpadanan dengan warna baju
- Memakai subang yang bersesuaian
- Mengenakan mekap yang berkadaran

BADAN

- Memakai tanda nama
- Kombinasi corak dan warna pakaian adalah berpadanan
- Memakai pewangi yang menyenangkan dan berkadaran
- Memakai aksesori yang tidak terlalu sarat dan mewah
- Sentiasa memakai kot (jika memakai lounge suit)

KAKI

- Memakai kasut kulit yang tertutup dan sentiasa berkilat
- Memakai stoking berwarna kulit / gelap



PENAMPILAN

- Sentiasa senyum, ramah dan berkelakuan sewajarnya
- Mengamalkan etika dan protokol yang berkadaran dengan suasana semasa

TIDAK

KEPALA/MUKA

- Rambut berserabai dan dibiarkan tidak terurus
- Kombinasi warna mekap yang tidak sesuai dan keterlaluan
- Tudung yang lusuh dan tidak digosok kemas
- Gigi yang tidak digosok
- Nafas berbau

BADAN

- Badan berbau dan tidak bersih
- Berkuku panjang dan kotor
- Memakai pakaian yang jarang, ketat atau kombinasi fesyen yang tidak diterima sebagai pakaian ke pejabat
- Pakaian yang tidak digosok kemas atau tidak dibasuh

KAKI

- Berseluar jenis jeans atau khakis
- Memakai kasut sukan dengan pakaian pejabat
- Berselipar atau hanya memakai sandal

TIP TAMBAHAN

1. Baju kemeja

- ❑ Elakkan memakai kemeja daripada kain jenis berkilat dan jarang
- ❑ Hendaklah memilih kemeja yang selesa dipakai dan berpadanan dengan bentuk badan dan warna kulit
- ❑ Bukan kolar yang selesa, bertujuan untuk tampak kemas ketika mengenakan dengan tali leher
- ❑ Warna baju hendaklah lebih gelap daripada warna tali leher
- ❑ Padankan tali leher berjalur dengan baju satu warna (*plain*) dan tali leher *plain* dengan baju berjalur
- ❑ Baju yang berjalur timbul dan sewarna boleh dipakai dengan tali leher berjalur halus
- ❑ Elakkan memakai baju *plain* dengan tali leher *plain* kecuali memakai lounge suit

2. Tali Leher

- ❑ Panjang tali leher adalah padan dengan ketinggian pemakai
- ❑ Hanya dipakai dengan baju lengan panjang (kecuali pakaian seragam)
- ❑ Elakkan menggunakan tali leher yang terlalu besar, sharp-end dan dipakai dengan terlampau singkat atau labuh
- ❑ Diikat dengan ikatan simpul segi tiga
- ❑ Pin tali leher dipakai di tempat yang bersamaan dengan tengah saku baju, tetapi jika memakai lounge suit, tempat yang bersesuaian adalah bersamaan di bahagian atas saku baju

3. Lounge Suit

- ❑ Dipakai dengan baju lengan panjang sewarna
- ❑ Potongan seluar adalah jenis *straight-cut* dan bukannya jenis *bell-bottom*
- ❑ Lounge suit tidak dipakai berlainan warna dengan seluar, kecuali jika memakai *sport-jacket*
- ❑ Semasa berdiri di majlis/mesyuarat, hanya butangkan satu sahaja suit tersebut, manakala semasa duduk, butang tersebut boleh dibuka untuk keselesaan

4. Beg Tangan dan Kasut

- ❑ Warna beg tangan boleh dipadankan dengan warna kasut
- ❑ Beg tangan sederhana besar adalah sesuai untuk dibawa ke pejabat, manakala jenis bertali dan kepit (*clutch*) dipakai jika menghadiri majlis rasmi





PENUTUP

Buku Garis Panduan Etika dan Penampilan Pemakaian ke Pejabat ini digarap bagi memudahkan pemahaman dan rujukan warga MITI terhadap etika dan penampilan pemakaian ke pejabat. Amalan ini adalah penting untuk diterapkan dan menjadi sebahagian daripada budaya kerja cemerlang MITI selari dengan komitmen dan usaha jitu yang telah diberikan bagi menambah baik sistem penyampaian Kementerian kepada *stakeholders* dan pelanggannya. Pengurusan Tertinggi MITI percaya bahawa imej dan penampilan yang kemas, profesional dan beretika akan memberikan persepsi positif dan keyakinan kepada komuniti pedagang, para pelabur dan masyarakat setempat dalam berurusan dengan warga MITI pada setiap masa dan di mana juga.

Maka, seterusnya, peranan warga MITI adalah perlu dalam usaha untuk merealisasikan harapan tersebut. Ini adalah bukti bahawa kakitangan Perkhidmatan Awam, warga MITI terutamanya, adalah peka dengan perubahan dan keperluan semasa malah sentiasa bersedia untuk memberikan yang terbaik demi mencapai misi dan visi Kementerian.



Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Blok 8 & 10, Komplek Kerajaan Jalan Duta
50622 KUALA LUMPUR

Tel: 603-6203 3022 | Faks: 603-6203 2337

Email: webmiti@miti.gov.my

Website: <http://www.miti.gov.my>